

Apakah tanggungjawab pemilik perniagaan

1. Mendaftarkan perniagaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh permulaan perniagaan dengan mengemukakan Borang Pendaftaran Perniagaan (Borang A).
2. Memperbaharui pendaftaran perniagaan dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh tamat pendaftaran atau pembaharuan terdahulu dengan mengemukakan Borang Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan (Borang A1).
3. Mendaftarkan perubahan butir perniagaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh berlakunya perubahan alamat utama, jenis perniagaan, alamat cawangan dan maklumat pemilik dengan mengemukakan Borang Perubahan Maklumat Perniagaan (Borang B).
4. Pemberitahuan penamatan perniagaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penamatan operasi perniagaan atau disebabkan kematian dalam masa 4 bulan dari kematian dengan mengemukakan Pemberitahuan Penamatan Perniagaan Berdaftar (Borang C).
5. Mempamerkan Sijil Pendaftaran Perniagaan di tempat yang mudah dilihat di premis perniagaan utama atau cawangan.
6. Meletakkan papan tanda yang mempamerkan nama perniagaan di luar premis perniagaan, dan jika terdapat lebih daripada satu tempat perniagaan, di luar setiap tempat perniagaan itu
7. Mempamerkan nama perniagaan dan nombor sijil pendaftaran di kepala surat, invois, bil dan lain-lain dokumen perniagaan.
8. Mendapatkan lesen, permit, atau surat kebenaran sewajarnya daripada pihak berkuasa berkaitan jenis perniagaan yang memerlukan kelulusan sebelum dijalankan walaupun perniagaan tersebut telah didaftarkan dengan SSM.

Apakah kesalahan di bawah peruntukan akta pendaftaran perniagaan 1956 dan kaedah-kaedah pendaftaran perniagaan 1957

1. Seseorang yang menjalankan perniagaan tanpa mendaftar perniagaan atau meneruskan perjalanan sesuatu perniagaan selepas tamat tempoh pendaftaran apabila disabitkan dengan kesalahan tersebut boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
2. Tidak mempamerkan perakuan pendaftaran apabila disabitkan dengan kesalahan tersebut boleh didenda sebanyak RM2,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.
3. Sesiapa yang didapati bersalah melakukan kesalahan di bawah Akta ini atau sebarang peraturan-peraturan di bawah Akta ini di mana tiada penalti disebut dengan nyata apabila disabitkan dengan kesalahan tersebut boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.